

DIMENSI BAHARU STRATEGI KUTIPAN SEDEKAH SEBAGAI ALAT KEWANGAN SOSIAL ISLAM DI ERA DIGITAL

SUTINA MAHHMOD & MOHD FAISOL IBRAHIM*

Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

Received 26 September 2025: Revised 17 October 2025: Accepted 18 October 2025

ABSTRACT

The development of Islamic social finance based on the concept of charity and donations has been in full accord with the Muslim community. The concept of assisting without expecting material rewards is not something unfamiliar among Muslims. The charity can help those in need to live a better life. Those who give alms also had been promised to gain benefits and reward in the life hereafter. From an economic standpoint, charity is one of the instruments of redistribution of wealth to social development activities in addition to *zakat* and *waqf* (endowment). Back to the days before the digital age, alms were accumulated through the movement of volunteers from house to house, from one location to another, but now the situation has been improved with the introduction of information technology platform. The unwillingness of some people to donate following the increasing crime of fraudulent syndicates through the conventional fundraising movement manipulated by some irresponsible parties has accelerated the need for more secure methods. Therefore, this study aims to analyse the effectiveness of charity as a social Islamic financial instrument in Malaysia through the explosion of information technology in the digital age. The study was conducted using qualitative methods through library research. The result shows that by using the concept of crowdfunding, several websites have been developed and managed specifically for charity. The donated funds can be managed structurally and channelled to charitable organizations or charities as well as to the real beneficiaries. Therefore, seeking for *al-falah* and *barakah* through charity is strongly encouraged in Islam.

KEYWORDS: DONATION, CROWDFUNDING, FUNDRAISING, DIGITAL AGE, SOCIAL FINANCE

ABSTRAK

Pembangunan kewangan sosial Islam yang berasaskan konsep sedekah dan sumbangan telah sebatian dengan masyarakat Islam. Konsep bantu membantu tanpa mengharapkan ganjaran material bukanlah sesuatu yang asing untuk disaksikan. Sedekah dapat membantu mereka yang memerlukan agar dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik. Mereka yang mengeluarkan sedekah juga mendapat banyak manfaat yang dijanjikan Allah khususnya sebagai bekalan pahala pada kemudian hari. Dari sudut ekonomi, sedekah merupakan salah satu instrumen agihan semula kekayaan kepada aktiviti pembangunan sosial sebagai tambahan kepada zakat dan wakaf. Kalau suatu masa dahulu sebelum era digital berkembang pesat, sedekah dikumpul melalui pergerakan sukarelawan dari rumah ke rumah, dari satu lokasi ke satu lokasi, namun, kini keadaannya telah ditambah baik dengan

* CORRESPONDING AUTHOR: Mohd Faisol Ibrahim, Faculty of Economics and Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia. E-mail: faisol@usim.edu.my

penggunaan platform teknologi maklumat tanpa sempadan yang mudah dan berada di hujung jari sahaja. Keengganan segelintir masyarakat untuk menderma ekoran peningkatan jenayah sindiket penipuan melalui pergerakan pengumpulan dana secara konvensional yang dimanipulasi oleh sesetengah pihak tidak bertanggungjawab telah mencetuskan keperluan menyediakan kaedah yang lebih selamat dan dijamin. Justeru, itu, kajian ini ingin menganalisis keberkesanan strategi sedekah sebagai instrumen kewangan sosial Islam di Malaysia melalui ledakan teknologi maklumat di era digital. Kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian perpustakaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa dengan menggunakan konsep pendanaan awam, beberapa laman sesawang telah dibangunkan dan diuruskan dengan teratur khusus untuk tabung sedekah. Dana sedekah yang dikumpulkan dapat diuruskan secara berstruktur dan disalurkan kepada organisasi atau yayasan kebajikan serta individu yang sebenarnya berkeperluan sekiranya kaedah bersedekah dalam era digital ini dapat ditadbir urus dengan jujur. Maka mencari al-falah dan barakah melalui sedekah sangat digalakkan dalam Islam.

KATA KUNCI: SEDEKAH, PENDANAAN AWAM, PENGUMPULAN DANA, ERA DIGITAL, KEWANGAN SOSIAL

1. PENGENALAN


Kepesatan pembangunan sistem kewangan Islam bukan hanya menjana kekayaan material terhadap ekonomi Islam tetapi turut memberi impak yang baik terhadap instrument-instrumen yang bersifat kebajikan terutamanya sedekah. Sedekah yang merupakan salah satu instrumen bercirikan sukarela dan fleksibel tanpa ketetapan masa dan kadar tertentu menjadikannya sebagai pelengkap kepada pengukuhan kewangan sosial Islam. Dari sudut kerohanian pula, sedekah merupakan amalan yang mulia dan terpuji. Sedekah menunjukkan tanda kesyukuran kita kepada Allah yang telah mengurniakan segala nikmat terutamanya nikmat Islam melalui perkongsian sesama manusia. Sedekah juga dapat menyucikan harta dan menambahkan barakah dalam pendapatan dan kehidupan.

Instrumen zakat, sedekah, infaq dan hibah merupakan antara instrumen utama dalam kewangan sosial Islam di dalam ekonomi Islam kerana instrumen ini membantu melahirkan kesejahteraan masyarakat dengan penyusunan semula sosio-ekonomi mereka di Malaysia. Instrumen ini juga merupakan penghubung antara dua sektor utama dalam ekonomi Islam iaitu sektor pengeluar dan sektor pengguna di mana terdapat sektor ketiga (mereka yang memerlukan bantuan) yang terdiri daripada golongan fakir, miskin, gelandangan, anak yatim, orang tua, pesakit-pesakit kronik dan merbahaya dan lain-lain.

Zakat ialah mengeluarkan sebahagian daripada harta apabila telah mencukupi nisab dan diberi kepada orang yang berhak menerimanya dan hukum berzakat adalah wajib. Zakat hanya wajib ditunaikan apabila melepasi beberapa syarat antaranya iaitu harta tersebut mencukupi kadar minima (*nisab*), dimiliki dalam tempoh setahun (*haul*) dan wajib ditunaikan atas kadar tertentu. Sedekah pula ialah suatu pemberian yang diberikan oleh seorang muslim kepada orang lain secara sukarela tanpa dibatasi oleh waktu dan jumlah (*haul* dan *nisab*) tertentu sebagai kebajikan yang mengharap pahala dan redha Allah SWT dan hukum bersedekah adalah sunat. Infaq pula ialah membelanjakan atau mengeluarkan sebahagian daripada harta atau pendapat/penghasilan yang diperolehi untuk sesuatu kepentingan pada jalan Allah secara umum dan juga berbentuk sunat.

Sedekah berbeza daripada hibah atau hadiah kerana objektif sedekah ialah untuk membantu orang yang memerlukan tetapi hadiah diberikan untuk memuliakan dan meneguhkan hubungan kasih sayang. Namun kecenderungan masyarakat di Malaysia yang melihat potensi sedekah sebagai alat yang membantu secara langsung kepada peningkatan kesejahteraan hidup golongan yang memerlukan bantuan telah menyebabkan kaedah kutipan sedekah ini telah melalui proses transformasi yang drastik sesuai dengan perumahan masa dan zaman.

Melihat kepada dimensi kewangan sosial bagi kewangan Islam di Malaysia masa kini, ianya dapat digambarkan seperti dalam Rajah 1 seperti di bawah:



RAJAH 1: DIMENSI KEWANGAN SOSIAL BAGI KEWANGAN ISLAM DI MALAYSIA

Sumber: Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2016, Bank Negara Malaysia

Perkembangan sektor kewangan Islam dipacu oleh institusi perbankan Islam, institusi kewangan bukan bank seperti koperasi dan pajak gadai serta pengendali takaful, manakala sektor kewangan sosial Islam digerakkan oleh Majlis Agama Islam Negeri, institusi tradisional dalam Islam yang berasaskan konsep kebajikan seperti zakat, wakaf dan sedekah, dan juga institusi kewangan mikro Islam kontemporari seperti Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Inovasi menggabungkan dua sektor ini yang diperkenalkan seperti kad debit Islam baharu dengan ciri wakaf, platform untuk mendapatkan dana daripada orang ramai menerusi internet (*crowdfunding*), sukuk berimpak sosial dan sebagainya berupaya membuka satu ruang baharu yang mampu memberi impak kepada sosioekonomi kewangan Islam.

2. KONSEP AL-FALAH DAN SEDEKAH

Perkataan 'Al-Falah' berasal daripada *aflaha-yuflihu-fallah* yang didefinisikan dari sudut bahasa iaitu beruntung, memperoleh apa yang diinginkan/ kebahagiaan (M. Quraish, 2002). Dari sudut pandang Islam, konsep kejayaan yang ditekankan ialah mendapat keuntungan, kebahagiaan dan kejayaan bukan sahaja di alam dunia tetapi kejayaan tersebut berkesinambungan untuk dikongsi di alam akhirat. Dalam ketentuan ini, ia diistilahkan sebagai mencapai kebaikan di dunia dan akhirat. Meskipun begitu, kemuncak kepada pencapaian tersebut adalah untuk mendapat keredaan, keampunan, rahmat dan perlindungan daripada Allah S.W.T. Golongan manusia yang mendapat nikmat tersebut adalah kelompok manusia yang memperolehi kejayaan yang hakiki atau distilahkan sebagai *al-falah*.

Firman Allah dalam surah bermaksud: *Sungguh beruntunglah orang-orang yang beriman. (yaitu) orang-orang yang khusyu' dalam sembahyangnya, dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna, Dan rang-orang yang menunaikan zakat, Dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau budak yang mereka*

miliki; maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. Barangsiapa yang mencari dibalik itu, sungguh mereka itulah orang-orang yang meampaui batas. Dan orang-orang yang memelihara amanat-amanat (yang dipikulnya) dan janjinya. Dan orang-orang yang memelihara sembahyangnya, Mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi, (yakni) yang akan mewarisi syurga Firdaus. Mereka kekal di dalamnya.

Surah Al-Mukminun: Ayat 1-11

Perkataan ‘sedekah’ berasal daripada perkataan صدق yang mengandungi pengertian yang menunjukkan kepada pemberian atau bantuan yang dihulurkan kepada mana-mana orang dengan ikhlas kerana Allah SWT. Ia juga merangkumi sifat yang terpuji di sisi syarak (Omar, 2006). Sedekah menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (Pustaka, 2010) ialah pemberian kepada fakir miskin dan lain-lain (dengan ikhlas). Sedekah menurut bahasa bermaksud kebenaran atau pemberian ikhlas dari hati yang bersih, manakala pada istilah pula, ulama’ menyebut sebagai pemberian semata-mata untuk mendekatkan kepada Allah dan mencari keredhaan Allah SWT (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah Ayat 271 bermaksud: *Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu; dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan.*

Sedekah juga ditakrifkan sebagai segala amalan baik yang dilakukan oleh seseorang sepertimana yang diterangkan dalam hadith berikut:

Maksudnya: *Daripada Jabir menyatakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Setiap amalan makruf (baik) adalah sedekah.*

Fadhilat Sedekah

Dalam konteks ibadah, bersedekah menunjukkan pengabdian, kepatuhan kita sebagai hamba Allah terhadap perintah-Nya serta usaha menari keredhaan-Nya. Hal ini dapat dirujuk dalam firman Allah, Surah Al-Munafikun Ayat 10 bermaksud:

Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: " Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh.

Perbuatan bersedekah ini adalah sebagai tanda pengharapan terhadap ganjaran pahala yang tidak terhingga. Allah telah menjanjikan pahala bersedekah yang berlipat kali ganda dalam Surah Al-Baqarah: Ayat 261

Maksudnya: *Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya.*

Faedah bersedekah meliputi dunia dan akhirat. Faedah di dunia ialah dimurahkan rezeki, menolak bala bencana, menghapuskan sifat bakhil, menghapuskan sikap tamak haloba, menghubungkan dan mengukuhkan silaturrahim dan kasih sayang, mencegah kematian yang buruk dan menghapuskan dosa, manakala faedahnya di akhirat pula ialah menjadi naungan dari panas terik di padang masyar dan menjadi pendinding dari api neraka (Sheikh ‘Abdullah Basmeih, 1985).

Kategori Sedekah

Sedekah dikategorikan kepada dua iaitu sedekah wajib (zakat) dan sedekah sunat (derma dan khairat). Bentuk-bentuk sedekah yang lazim ialah:

- Sedekah harta benda seperti memberi makan dan minum kepada yang memerlukan, jiran teangga, haiwan, bersedekah kepada diri sendiri dan ahli keluarga yang ditanggung nafkahnya, memberi tempoh orang yang berhutang; dan
- Sedekah bukan harta benda seperti khidmat bakti dan buah fikiran, melakukan amal yang baik (makruf), tidak menyusahkan orang lain, memberi pertolongan kepada orang lain, bercakap dengan baik dan memberi kasih sayang kepada semua makhluk.

Konsep Dana Sedekah

Instrumen sedekah dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam dapat dibentuk pada tiga bahagian dana iaitu dana *siasi*, *tijari* dan dana *ijtima'i*.

JADUAL 1: KONSEP DANA SEDEKAH


Dana <i>siasi</i>	Dana <i>tijari</i>	Dana <i>ijtima'i</i>
Dana yang melibatkan sektor kerajaan atau awam yang mempunyai ikatan dengan sektor swasta dan sektor kebajikan sosial yang merangkumi pentadbiran, pertahanan, penyelenggaraan dalam undang-undang dan peruntukan, dan sebagainya.	Dana yang berkonsepkan keuntungan untuk pemilikinya. Contoh: dana pengurusan haji dan umrah	Dana yang tidak berkonsepkan kepada keuntungan kewangan bagi pihak-pihak iaitu pemilik dan pengurusnya. Contoh: zakat, wakaf dan sedekah

Sumber: Kerangka Perundangan Rumah Sedekah Sebagai Institusi Perbankan: Satu Tinjauan Awal (Markom *et al.*, 2015)

Instrumen sedekah yang menerapkan prinsip ihsan, mempunyai fungsi dan peranan:

- Menyediakan skim pengagihan semula kekayaan secara sukarela dalam sistem ekonomi Islam;
- Menyediakan dana pelengkap yang mampu menampung kekurangan yang berlaku di dalam dana zakat atau dana-dana lain seperti wakaf;
- Menyediakan Dana yang fleksibel dan boleh digunakan dalam pelbagai bentuk;
- Menyediakan dana sebagai proses penyuncian harta haram dan subahat dalam ekonomi Islam; dan
- Menyediakan dana bagi kecemasan yang berlaku dalam masyarakat seperti bencana alam.

Dana kewangan sosial Islam secara umum dapat dilihat melalui Rajah 2. Dana sedekah merupakan satu-satunya instrumen yang pengagihannya ialah kepada asnaf, bidang kebajikan, kemudahan awam, keselamatan, pendidikan, kesihatan dan rizab.




RAJAH 2: KEWANGAN SOSIAL ISLAM – ALIRAN DANA

Sumber: Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistematis: Analisa Peranan Institusi Kerajaan Dan Swasta (Jalil & Muda, 2008)

Era Digital

Era digital yang juga dikenali sebagai era komputer atau era informasi bermula pada abad ke-20 dicirikan melalui anjakan daripada industri tradisional kepada revolusi industri yang berasaskan teknologi maklumat. Pengenalan komputer sebagai medium komunikasi dan penghantaran maklumat telah mewujudkan evolusi dalam kehidupan. Pelaksanaan pekerjaan juga dipermudahkan melalui automasi. Ditambah pula dengan pengenalan internet pada 1969 sebagai rangkaian komputer yang berhubungan melalui beberapa rangkaian sejagat mewujudkan perhubungan antarabangsa tanpa sempadan yang lebih efektif. Konsep pengkomputeran awan dan data raya mula mengisi ruang perkembangan teknologi. Namun, kritik terhadap kesahihan dan keselamatan maklumat mulai mengusarkan pengguna dan sebagai penyelesaiannya, pengenalan teknologi *blockchain* pada tahun 1991 yang dirangkaikan melalui *block* dan mempunyai ciri-ciri maklumat tidak boleh dipinda, berupaya meningkatkan tahap kepercayaan dan keselamatan data yang disimpan. Teknologi akan terus berkembang dengan pengadaptasian teknologi pintar dan Internet Benda. Secara ringkasnya, perkembangan ini dapat dilihat di Rajah 3:

**RAJAH 3: EVOLUSI SISTEM MAKLUMAT**


Sumber: Digital Transformation in Healthcare - Architectures of Present and Future Information Technologies (Glopal *et al.*, 2019)

Era digital menyediakan ruang dan peluang yang luas kepada ekonomi untuk bertumbuh pada kadar yang lebih kompetitif. Peluang ini tidak hanya dilihat semata-mata untuk pencapaian ekonomi material, namun ia juga wajar dimanfaatkan dalam pembangunan sosial dan kemasyarakatan melalui pengenalan instrumen kewangan sosial Islam atas talian. Justeru, kajian awal ini akan melihat penggunaan dan keberkesanan teknologi dalam sedekah.

Konsep Pendanaan Awam dan Pengumpulan Dana

Pendanaan awam adalah penggunaan modal kecil daripada sebilangan besar individu untuk membiayai usaha perniagaan baharu. Pendanaan awam menggunakan kemudahan akses rangkaian orang ramai yang luas melalui media sosial dan laman sesawang pendanaan awam untuk membawa pelabur dan usahawan bersama-sama, dengan potensi untuk meningkatkan keusahawanan dengan memperluaskan kumpulan pelabur. Ia membolehkan pelabur memilih daripada ratusan projek yang dipaparkan, dengan nilai pelaburan yang minimum. Manakala pengumpulan dana adalah proses mencari dan mengumpulkan sumbangan kewangan secara sukarela dengan melibatkan individu, perniagaan, yayasan amal, atau agensi kerajaan. Walaupun pengumpulan dana biasanya merujuk kepada usaha untuk mengumpul wang untuk organisasi bukan keuntungan, ada ketika konsep ini turut merujuk kepada pengenalanpastian dan permintaan pelabur atau sumber modal untuk perusahaan. Kedua-dua terma ini saling bertukar ganti dan merujuk kepada proses yang sama.

Semua aktiviti yang terlibat dilaksanakan secara atas talian berasaskan internet oleh pihak-pihak yang terlibat iaitu pencari dana, penyumbang berpotensi, pengendali pendanaan awam dan Jawatankuasa Syariah. Pencari dana akan memuat naik cadangan projek/ tujuan keperluan dana ke platform ini, penyumbang berpotensi akan memilih projek yang diminati dan seterusnya saluran dana akan dibuat. Caj transaksi akan dikenakan oleh pengendali platform ini. Perincian konsep dan proses diterangkan di Rajah 4:

**RAJAH 4: PROSES PENDANAAN AWAM PATUH SYARIAH**

Sumber: Islamic Crowdfunding: Alternative Funding Solution (Wahjono *et al.*, 2015)

2. KAJIAN LEPAS

Dana sedekah mempunyai potensi yang sangat tinggi untuk dibangunkan, terutamanya dalam sistem ekonomi dan kewangan yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini (Jalil & Muda (2008). Sistem kewangan Islam Malaysia yang telah mencapai tahap kemajuan yang agak tinggi mampu menyediakan infrastruktur yang lengkap bagi penubuhan dana berasaskan sedekah. Masyarakat Islam Malaysia khasnya perlu mengambil peluang ini untuk melangkah lebih jauh lagi di dalam sistem ekonomi Islam. Namun, pengurusan yang telus dan terkawal amat perlu agar tidak dieksploitasi dan dikhianati. Di samping itu, garis panduan dan kaedah pembahagian yang munasabah dan relevan serta sistem laporan, penilaian dan penyelarasan yang mantap mampu menjamin objektif penubuhan dan pengurusan dana sedekah ini tercapai. Dalam penulisan Zaenal *et al.* (2022), pendidikan dan kesihatan merupakan dua faktor utama kebajikan individu yang menjadi tumpuan dalam pembangunan kesejahteraan yang dipengaruhi oleh filantropi Islam.

Karya daripada Hasan and Sulaiman, (2016) memperaku bahawa pengumpulan dana masyarakat berupaya menjadi salah satu mekanisme pembiayaan yang strategik dalam sistem kewangan Islam khususnya dalam membiayai aktiviti ekonomi yang melibatkan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) yang sering berhadapan dengan masalah mendapatkan pembiayaan daripada institusi perbankan. Sebarang isu syariah yang berbangkit perlu ditanggungjawabkan kepada penasihat Syariah untuk meneroka dan mencari penyelesaian. Wahjono *et al.* (2015) menyarankan pelaksanaan konsep penajaan dana awam Islam oleh negara-negara Islam atau negara majoriti Muslim kerana kemudahan dana patuh shari'ah yang ditawarkan kepada pihak yang memerlukan khususnya dalam memulakan perniagaan tanpa melibatkan pembiayaan daripada sistem perbankan. Konsep mualamat yang boleh diapikasikan ialah *musyarakah* (perkongsian) dan *qard* (pinjaman). Saiti *et al.* (2018) dalam kajian perbandingan penajaan dana awam konvensional dengan Islamik menyatakan kewujudan badan Syariah dalam penajaan dana awam Islam merupakan faktor kekuatan yang memberi impak yang positif terhadap penerimaan awam kepada produk ini.

Selari dengan itu, Maliki *et al.* (2025) membincangkan kepentingan rumah sedekah terhadap pembangunan ekonomi ummah. Idea penubuhan rumah sedekah juga yang berteraskan konsep sedekah juga merupakan instrumen pelaburan yang mampu menjamin keuntungan di dunia dan akhirat selaras dengan konsep sedekah jariyah. Pendekatan ini juga mendukung aspirasi dualisme iaitu menjaga kemaslahatan ummah di dunia dan mencari ganjaran pahala yang berkekalan di akhirat. Markom *et al.* (2015) mencadangkan dua pendekatan dalam menyediakan kerangka rumah sedekah iaitu menggubal undang-undang yang baharu iaitu Akta Rumah Sedekah atau pengawalseliaan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Kerangka Governans *Shariah* Bank Negara 2012. Model Sadaqa House oleh Bank Islam Malaysia Berhad diperjelaskan oleh Musafar Hameed *et al.* (2018) dilihat mampu memberi kesan yang positif kepada kebajikan ummah melalui projek-projek sumbangan dari dana tersebut dalam tiga bidang iaitu kesihatan, pemerikasaan ekonomi melalui peluang pekerjaan, dan pemerikasaan masyarakat melalui penyediaan kemudahan asas. Lutfi and Ismail (2016) mengemukakan model pendanaan awam yang berfungsi sebagai platform untuk membiayai projek keusahawanan menerusi konsep mikro-kewangan dan pada masa yang sama mewujudkan dana bantuan untuk rawatan penjagaan kesihatan kepada yang memerlukan. Penggunaan teknologi *blockchain* mampu membawa konsep pendanaan awam kepada tahap yang lebih baik melalui pengukuhan keselamatan data (Muneeza *et.al.*, 2018).

Ternyata sedekah mempunyai peranan yang sangat penting dalam ekonomi Islam kerana instrumen ini di anggap mampu menyusun masyarakat Islam dalam sesebuah negara. Ini disokong oleh Eni Devi Anjelina *et al.* (2020) dan Mukhid (2024) yang menyatakan bahawa zakat, infak dan sedekah mampu memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan perekonomian masyarakat dengan mengurangkan jurang kemiskinan dalam negara melalui tatakelola yang terbaik.

Jika dahulu kutipan sedekah hanya menggunakan pendekatan konvensional seperti kutipan melalui wang tunai di masjid, surau atau tabung bergerak yang akhirnya menyebabkan impak bantuan sedekah kepada golongan sasar ini adalah kecil kerana nilai kutipan sedekah adalah tidak besar. Namun sejauhmana perkembangan masa dan zaman serta teknologi telah mengubah corak kutipan sedekah dalam masyarakat.

Oleh itu dengan kewujudan platform terkini yang berkaitan sedekah dalam pelbagai bentuk khususnya dalam bentuk digital merupakan sesuatu yang tepat dan sesuai dengan perubahan masa dan seiring perkembangan teknologi yang canggih.

Strategi kutipan sedekah yang berorientasikan pendekatan konvensional dilihat masih wujud dalam pasaran kewangan sosial Islam namun terdapat arus perubahan dalam melakukan kutipan sedekah. Perubahan ini mungkin kerana pendekatan konvensional dilihat tidak mampu memberikan hasil yang tinggi yang akhirnya membataskan bantuan kepada golongan sasar berbanding pendekatan baharu yang berbentuk digital yang dilihat mempunyai potensi pasaran yang sangat luas tanpa sempadan yang mampu menyumbang kutipan sedekah dalam jumlah yang tinggi dan akhirnya mampu memberi impak yang besar kepada golongan sasar.

3. METODOLOGI

Kajian ini menumpukan pendekatan deskriptif kualitatif. Jesteru itu jenis kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian perpustakaan yang melibatkan pengumpulan data yang sesuai dengan objek kajian atau pengumpulan data yang bersifat keperpustakaan kerana proses kajian perpustakaan yang sistematik yang melibatkan pencarian, analisis dan interpretasi membantu menghasilkan hujah penyelidikan yang lebih kukuh dan kurang berat sebelah serta lebih tepat (Chigbu *et al.*, 2023). Selain itu, kajian perpustakaan membolehkan penyelidik menyusun teori, model dan konsep dari kajian terdahulu sebagai kerangka teori untuk kajian baru (Snyder, 2024). Oleh itu bahan-bahan yang terlibat dalam pengumpulan data ini terdiri daripada buku, akhbar, jurnal, majalah dan juga laman sesawang beberapa institusi berkaitan sedekah. Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data

berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan dan memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan kutipan dan bayaran sedekah di Malaysia.

4. HASIL DAN PERBINCANGAN

Sedekah dalam Era Digital

Abad ke 21 menyaksikan perkembangan teknologi berlandaskan internet dan transaksi atas talian yang memuncak. Menurut Wearesosial (2019) yang menerbitkan Global Digital Report 2019 terbitan bulan Januari 2019, ditafsirkan Malaysia mendapat tempat kelima tertinggi dunia dan tempat paling atas di rantau Asia Tenggara dalam penggunaan media sosial mudah alih. Kini penggunaan internet di Malaysia pada tahap 80 peratus dengan purata pengguna meluangkan masa dalam talian lapan jam sehari (Wearesosial, 2019). Jaringan internet juga amat mudah didapati dan bervariasi mengikut keperluan dan kemampuan pengguna. Capaian internet percuma juga boleh didapati di mana-mana sahaja khususnya di kompleks kerajaan, tempat-tempat awam, kompleks beli belah dan sebagainya. Menurut Heimans and Timms (2019) dalam buku berjudul *New Power*, dalam era *hyper-connected* yang bermaksud capaian kepada rangkaian digital yang meluas di mana sahaja dan pada bila-bila masa, individu lebih cenderung bekerja dalam keadaan tidak terlalu formal dan kebanyakan organisasi diperkukuhkan berasaskan jaringan dan keterbukaan.

Senario ini sebenarnya menyediakan satu peluang dan kemudahan untuk menguruskan dana sedekah dengan lebih teratur, efektif dan efisien tanpa mengabaikan matlamat asal sedekah iaitu mencari Al-Falah dan Barakah. Buktinya, disenaraikan institusi sedekah yang menggunakan laman sesawang sebagai kaedah pengumpulan dana seperti dalam Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2: PRODUK-PRODUK SEDEKAH DIGITAL

Bil.	Produk sedekah digital	Akses laman sesawang	Pemilikan
1.	Globalsadaqah	Globalsadaqah. (2025). Diakses daripada https://www.globalsadaqah.com/ (akses pada Oktober 11, 2025).	Ethis Group
2.	Sadaqa House	SadaqaHouse. (2025). Diakses daripada https://sadaqahouse.com/ (akses pada Oktober 11, 2025).	Bank Islam
3.	Dana Inspirasi Malaysia (Inspirasiku)	YAPEIM. (2025). <i>Dana Inspirasiku</i> . Diakses daripada https://www.yapeim.my/category/dana-inspirasiku/ (akses pada Oktober 11, 2025).	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)
4.	Infaq Dakwah Infaq Kebajikan Infaq Bantuan pendidikan	YADIM. (2025). Diakses daripada http://www.yadim.com.my/v2/pilihan-infaq/ (akses pada Oktober 11, 2025).	Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM)
5.	Tabung Gaza Tabung Syria Tabung Rohingya	MAPIM. (2025). Diakses daripada https://www.mapim.org (akses pada Oktober 11, 2025).	Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)
6.	Dana Wakaf Air Somalia Winter Appeal Water & Health Emergency & Disaster Risk Reduction Education Food & nutrition	IslamicRelief. (2025). Diakses daripada https://islamic-relief.org.my/donateNow/donations/new (akses pada Oktober 11, 2025).	Islamic Relief Malaysia

Livelihood Orphan Fund Care4Hunger MySedekah			
7. Donation	National Cancer Society Malaysia. (2025). Diakses daripada https://cancer.org.my/donate/ (akses pada Oktober 11, 2025).	National Cancer Society Malaysia	
8. Give hope Enlighten parents Provide second chances Reuniting families Transforming lives	Orphancare. (2025). Diakses daripada http://orphancare.org.my/get-involved/donate/donate-to-a-good-cause/ (akses pada Oktober 11, 2025).	OrphanCare Foundation	
9. Giving UiTM	UiTMPay. (2025). Diakses daripada https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products (akses pada Oktober 11, 2025).	Universiti Teknologi MARA	
10. Tabung Bersamamu TV3	Media Prima. (2025). Diakses daripada https://www.mediaprima.com.my/impact-overview.html (akses pada Oktober 11, 2025).	Media Prima Humanitarian Fund (platform e-Wallet)	
11. Donate to Islamic Aid	Islamicaid. (2025). Diakses daripada https://www.islamicaid.com/sadaqah/ (akses pada Oktober 11, 2025).	Islamic Aid, United Kingdom	
12. Islamic Education New Muslim Program Income Generation Disaster Relief	Dompethdhuafa. (2025). Diakses daripada https://dompethdhuafa.org.au/get-involved/make-donation/ (akses pada Oktober 11, 2025).	Dompethdhuafa Australia Ltd, Australia	
13. Dakwah & Tarbiyyah Education & Rehabilitation Community Support Nutrition Health	Ummah Welfare Trust. (2025). Diakses daripada https://donate.uwt.org/Account/Index.aspx (akses pada Oktober 11, 2025).	Ummah Welfare Trust, Bolton, United Kingdom	

Sumber: Pelbagai laman sesawang

Ulasan Laman-laman Sesawang Institusi Sedekah

Berikut diperjelaskan beberapa contoh laman sesawang sedekah mengikut bidang/ kluster terpilih iaitu syarikat *fintech*, perbankan, organisasi mikro-kewangan, institusi pengajian tinggi awam (IPTA), organisasi bukan kerajaan (NGO), media dan laman antarabangsa.

- Laman Sesawang Syarikat *Fintech*: Laman Sesawang Globalsadaqah (<https://www.globalsadaqah.com>)

Globalsadaqah berfungsi sebagai perantara untuk aktiviti sedekah atas talian dikendalikan oleh Ethis Ventures Sdn Bhd dengan cara menghubungkan penderma kepada penerima yang benar-benar memerlukan yang dibawa melalui badan-badan kebajikan atau rakan kebajikan. Sedekah tidak hanya terhad kepada keperluan Muslim tetapi terbuka kepada sesiapa yang memerlukan sama ada dalam dan luar negara. Setiap aktiviti dikenali sebagai ‘Kempen’ dan mempunyai tempoh tertentu untuk paparan di laman sesawang ini. ‘Kempen’ yang telah mencapai dana yang diperlukan dalam tempoh tersebut akan ditutup dan diserahkan sepenuhnya kepada rakan kebajikan. Walau bagaimanapun, sekiranya dana masih tidak mencukupi sehingga tempoh masa yang ditetapkan berakhir, ia akan diputuskan oleh Rakan Kebajikan sama ada dipanjangkan tempoh kempen, ditamatkan dengan dana yang ada atau

dibatalkan dan dikembalikan sumbangan kepada penderma. Kos operasi Globalsadaqah dibiayai melalui caj perkhidmatan kepada rakan kebajikan dan sumbangan rakan strategik.


Globalsadaqah bekerjasama dengan beberapa Rakan Korporat (*Corporate Partners*) iaitu Alliance Islamic Bank, Al Rajhi Bank Malaysia, Kuwait Finance House Malaysia, Islamic Development Bank Saudi Arabia. Ia menyediakan saluran kepada rakan korporat untuk menyalurkan tanggungjawab sosial korporat atau dana penyucian.

Globalsadaqah juga mempunyai rakan kebajikan yang terdiri daripada badan-badan kebajikan seperti Yayasan Ikhlas, Mercy Mission, Khalifah Education Foundation, Yayasan Kebajikan Negara, An-Nada Educational Foundation dan banyak lagi.

Bagi memastikan transaksi adalah patuh Syariah dan bagi menjayakan platform pendanaan awam, Globalsadaqah mempunyai rakan strategik seperti Maybank QR Pay, Boost Pay, International Institute of Islamic Business and Finance, Kitabisa dan SalamWeb.

- Laman Sesawang Perbankan: Sadaqa House oleh Bank Islam Malaysia Berhad (sadaqahouse.com)

Sadaqa House adalah sebahagian daripada agenda strategik kewangan sosial Bank Islam iaitu dengan menggalakkan masyarakat melabur secara beretika bagi menyokong pembangunan ekonomi sektor yang kurang mendapat perhatian. Inisiatif ini membolehkan sumbangan daripada orang awam dibuat melalui platform digital pendanaan awam dengan kerjasama Ethis Ventures Sdn Bhd dan GlobalSadaqah.com. Sumbangan yang disalurkan adalah ke arah merealisasikan projek pembiayaan sosial untuk sektor yang kurang mendapat perkhidmatan seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan keusahawanan. Model Struktur Dana Sadaqa House Bank Islam adalah seperti di Rajah 4:



RAJAH 5: MODEL SADAQA HOUSE BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

Sumber: <http://www.bankislam.com.my/home/bank-islam-sadaqa-house/>

- Laman Sesawang Organisasi Mikro-Kewangan: Tabung Dana Inspirasi Malaysia – Inspirasiku (<https://www.yapeim.my/category/dana-inspirasiku/>)

Dana ini dikendalikan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) iaitu sebuah badan yang diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 13 Oktober 1976 dan diperbadankan di bawah Trustees (Incorporation) Act 1952. Bagi membangunkan potensi dan meluaskan peranannya, YaPEIM telah disusun dan dilancarkan semula pada 20 Julai 1984 oleh Perdana Menteri Malaysia

pada ketika itu. Terdapat tiga teras utama YaPEIM iaitu bisnes, sosial bisnes dan pembangunan sosiekonomi and amal jariah. Khusus untuk program pembangunan sosiekonomi dan amal jariah, satu inisiatif baru telah diambil iaitu menubuhkan Dana Inspirasi Malaysia yang mensasarkan jumlah terkumpul sebanyak RM40 juta bagi memberi manfaat kepada hampir 40,000 pelajar seluruh negara dengan melibatkan penyertaan rakan strategik seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), syarikat-syarikat korporat dan pihak-pihak yang dikenali di negara ini. YaPEIM telah memperuntukkan RM1 juta sebagai dana awal untuk Dana Inspirasi Malaysia ini. Inisiatif ini selaras dengan gagasan RAHMAH di bawah Kerajaan Persekutuan iaitu menekankan kepada aspek menyantuni masyarakat dan memberi kesejahteraan hidup selaras dengan Sustainable Development Goals (SDG) yang didasarkan di bawah United Nations dalam memperkasakan masyarakat Malaysia melalui pendidikan yang saksama dan mampan. Sehingga kini (11 Disember 2019), dana yang terkumpul adalah sebanyak RM1,004,074.

- Laman Sesawang Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA): *Giving UiTM* (<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products>)

Dua jenis tabung kebajikan disediakan dan diuruskan oleh Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar, Universiti Teknologi MARA (UiTM) iaitu Tabung Kebajikan Pelajar dan Tabung Kecemasan Pelajar. Tabung Kebajikan Pelajar menyediakan bantuan pinjaman, sara hidup, bencana alam, kes kecurian dan kehilangan, serta bantuan perjalanan kematian ibu bapa, manakala Tabung Kecemasan berfungsi memberi bantuan bagi kes kematian atau kecederaan. Sumbangan adalah terbuka kepada awam dan pembayaran boleh melalui platform JomPay.

Selain itu, Giving UiTM juga membuka ruang sedekah dengan manfaat pengecualian cukai kepada orang ramai, alumni dan warga UiTM untuk menyumbang kepada Perpustakaan UiTM bagi tujuan melengkapkan kemudahan perpustakaan dan membiaya pembelian buku dan kemudahan perpustakaan. Kaedah sumbangan boleh melalui cara manual di kaunter atau atas talian melalui aplikasi kod QR Affin Bank Islamic Berhad.

Sebagai contoh, Encik Hasbi mempunyai pendapatan tahunan RM100,000 dan beliau telah membuat sumbangan berbentuk sedekah kepada UiTM dalam beberapa projek kebajikan yang bernilai RM5,000 (layak pengecualian cukai). Beliau juga membuat potongan bayaran bulanan kepada KWSP dan takaful (pelepasan cukai oleh LHDN) berjumlah RM20,000 setahun. Memandangkan sumbangan sedekah Encik Hasbi masih dibawah 10% (Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967) daripada jumlah pendapatan agregat beliau, maka cukai pendapatan yang akan dikenakan oleh LHDN adalah sebanyak:

- $RM100,000 - RM20,000 = RM80,000$ (pendapatan boleh cukai)
- $RM80,000 - RM5,000 = RM75,000$ (pendapatan akhir boleh cukai)

Ternyata potongan bayaran sedekah yang dilakukan di bawah akta Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 membolehkan cukai pendapatan boleh cukai seseorang menjadi lebih rendah berbanding cukai sebenar.

- Laman Sesawang Organisasi Bukan Kerajaan (NGO): Tabung Islamic Relief Malaysia (<https://islamic-relief.org.my/donateNow/donations/new>)

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bebas berasaskan kemanusiaan dan pembangunan yang ditubuhkan oleh sekumpulan pelajar lepasan ijazah yang prihatin di United Kingdom pada tahun 1984. Berasaskan kepada kepercayaan serta nilai-nilai Islam, Islamic Relief berhasrat mewujudkan dunia yang prihatin di mana komuniti diupayakan, tanggungjawab sosial dilaksanakan dan masyarakat bersatu meringankan penderitaan golongan yang memerlukan.

Kaedah yang boleh digunakan untuk menderma ke Tabung Islamic Relief Malaysia (IRM) ialah meliputi (i) Atas Talian melalui MOLPay, FPX atau perbankan internet; (ii) Luar Talian melalui pindahan dana ke akaun IRM; (iii) JomPay; (iv) Kad Kredit/ Kad Debit; (v) bayaran kepada wakil (IRM Partner Care); dan (vi) Kemudahan Auto-Debit yang disediakan oleh bank.

- Laman Sesawang Media: Tabung Bersamamu TV3 (<https://www.mediaprima.com.my/impact-overview.html>)

Aplikasi Boost diperkenalkan untuk sumbangan ke Tabung Bersamamu TV3. Aplikasi ‘mobile wallet’ yang merevolusikan kaedah melakukan transaksi dalam dunia digital. ‘Mobile wallet’ menjadikan transaksi lebih mudah, pantas, selamat dan pada masa yang sama mengembalikan ganjaran pada pengguna dalam pelbagai bentuk seperti promosi, diskaun dan pulangan wang (‘cashback’). Di samping aplikasi ini, Tabung Bersamamu TV3 dan lain-lain tabung di bawah Tabung Media Prima masih menggunakan saluran perbankan atas talian dan kaedah manual iaitu melalui cek.

- Laman Sesawang Antarabangsa: Tabung Islamic Aid (<https://www.islamicaid.com/sadaqah/>)

Islamic Aid ditubuhkan pada tahun 2000 dan berpejabat di London, United Kingdom. Tujuan penubuhan adalah untuk membantu kelangsungan hidup mangsa kemiskinan, peperangan dan bencana alam melalui pembekalan makanan dan air, kesihatan, pendidikan dan kehidupan di 12 negara yang terpilih. Dana diterima daripada individu, perniagaan, masjid dan organisasi bukan kerajaan. Sehingga kini, purata kutipan tahunan ialah sekitar £3.3 juta dengan penderma melebihi 90 ribu orang seluruh dunia.

Analisis Laman Sesawang Digital yang Menawarkan Instrumen Sedekah

- Laman sesawang Globalsadaqa

Satu contoh platform yang sedang meluas peranannya sebagai saluran dana sedekah di era digital ialah www.globalsadaqa.com. Berdasarkan penelitian pada paparan informasi di laman sesawang tersebut, penulis telah meringkaskan data statistik berkaitan jumlah kutipan dana sedekah yang diperoleh dan agihannya bagi tempoh 2018 sehingga 16 November 2019 iaitu seperti di Jadual 3 di bawah:

JADUAL 3: JUMLAH KUTIPAN DAN AGIHAN DANA SEDEKAH MELALUI PLATFORM WWW.GLOBALSADAQA.COM BAGI TEMPOH 2018 SEHINGGA 16 NOVEMBER 2019

Bil.	Bidang Keperluan Dana	Bilangan Kempen*	Jumlah Dana Diperlukan (RM)	Jumlah Dana Dikumpulkan & Diagihkan (RM)	% Jumlah Dana Dikumpulkan / Diperlukan
			(a)	(b)	(c) = (a) / (b) x 100%
<i>Keperluan dalam negara</i>					
1.	Infrastruktur	3	96,250.00	78,628.00	82%
2.	Pendidikan	6	6,122.00	6,227.00	102%
3.	Perubatan	6	16,449.00	16,581.00	101%
4.	Kemiskinan (dana perniagaan)	13	22,128.00	21,364.00	97%
Jumlah kecil		28	140,949.00	122,800.00	87%
<i>Keperluan luar negara</i>					
5.	Bencana alam & kemanusiaan	8	108,450.00	18,100.00	17%

Bil.	Bidang Keperluan Dana	Bilangan Kempen*	Jumlah Dana Diperlukan (RM)	Jumlah Dana Dikumpulkan & Diagihkan (RM)	% Jumlah Dana Dikumpulkan / Diperlukan
			(a)	(b)	(c) = (a) / (b) x 100%
6.	Dakwah	11	61,130.00	49,650.00	81%
7.	Infrastruktur	1	3,600.00	423.00	12%
8.	Kesihatan	5	47,325.00	35,404.00	75%
Jumlah kecil		25	220,505.00	103,577.00	47%
Jumlah Keseluruhan		53	361,454.00	226,377.00	63%


* Nota: 'Kempen' merujuk kepada akaun/ keperluan dana yang dinamakan kepada seseorang individu atau sesebuah organisasi sosial yang memerlukan bantuan

Sumber: <https://www.globalsadaqah.com/campaigns> (16 November 2019)

Data di atas menunjukkan dalam tempoh hampir dua tahun, sebanyak 53 kempen telah berjaya diiklankan di laman sesawang ini dan telah mendapat sejumlah bantuan daripada seluruh dunia dalam pelbagai bidang sosial. Ringkasnya, 63% keperluan bantuan yang diiklankan telah dapat dipenuhi dan sebahagiannya telah pun disalurkan dan dimanfaatkan oleh benefesiari/ pihak yang memerlukan bantuan. Berdasarkan data ini, secara umumnya dapat dibuktikan bahawa platform digital sebagai alternatif atau kaedah termudah, terpalang dan terbaik untuk menemukan pemberi bantuan dengan pihak yang memerlukan, tanpa mengira sempadan negara dalam tempoh masa yang berkadaran dan munasabah.

- Laman sesawang Islamic Relief Malaysia

Melihat kepada jumlah kutipan terhad yang dilaporkan dalam penyata Penyata Kewangan Tahunan organisasi ini menunjukkan arah aliran peningkatan yang konsisten saban tahun bermula tahun 2011 hingga 2015 dan sedikit penurunan yang tidak begitu signifikan pada tahun 2016. Arah aliran ini diilustrasikan dalam Rajah 6. Namun, data untuk tahun kewangan yang lebih mutakhir tidak diperolehi semasa analisis ini dibuat.



RAJAH 6: GRAF JUMLAH PENDAPATAN TERHAD ISLAMIC RELIEF MALAYSIA BAGI TAHUN 2011 HINGGA 2016

Sumber: Penyata Kewangan Islamic Relief Malaysia yang telah diaudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012, 2014 dan 2016

Walaupun penulis tidak dapat menentukan punca sebenar peningkatan jumlah kutipan sama ada didasari oleh pengenalan platform teknologi maklumat atau giatnya usaha-usaha kesedaran dan pemasaran, namun secara umumnya dapat dilihat pelaksanaan tanggungjawab dalam amalan filantropi yang semakin baik khusus dalam kalangan rakyat Malaysia. Peningkatan kesedaran ini mengisyaratkan potensi sedekah sebagai instrumen pengukuhan ekonomi sosial Islam yang semakin berkembang dan dikenali.

Jesteru itu adalah diharapkan di masa akan datang kutipan sedekah di Malaysia perlu diwujudkan satu akta yang khusus supaya kaedah kutipan sedekah yang semakin pelbagai dan dijangka jumlah kutipan sedekah juga akan meningkat dengan begitu tinggi akan dapat dikawal selia oleh badan khas supaya penyelewangan dan penyalahgunaan kutipan sedekah oleh pihak yang ingin mengaut keuntungan dengan cara mudah dapat dibendung.

5. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, terdapat perubahan ketara kaedah kutipan sedekah pada zaman sekarang berbanding zaman dahulu disebabkan oleh perubahan teknologi yang begitu pesat membangun. Pembangunan teknologi yang hebat ini telah menjadikan kaedah kutipan sedekah mula dipelbagaikan dalam bentuk digital supaya hasil kutipan sedekah mampu mencapai tahap maksimum dan impaknya mampu memberikan nilai tambah kesejahteraan hidup kepada mereka yang memerlukannya. Kesedaran pihak perbankan khususnya institusi perbankan Islam yang melihat potensi platform sedekah secara digital sebagai salah satu bentuk CSR kepada masyarakat masih kurang memuaskan kerana hanya beberapa institusi perbankan Islam sahaja yang terlibat seperti Bank Islam Malaysia Berhad berbanding jumlah keseluruhan institusi perbankan Islam di Malaysia sebanyak 16 buah. Keterbatasan penglibatan insituti perbankan Islam dalam mempromosikan bayaran sedekah secara digital ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Jesteru melalui dapatan kajian ini diharapkan mampu memberi laluan kepada kajian-kajian lain di masa hadapan melihat peranan institusi perbankan Islam dalam memperkasakan kutipan sedekah melalui kaedah digital yang dilihat mempunyai potensi yang jauh lebih besar sekiranya semua institusi perbankan Islam bersatu padu menjayakannya.

Bagi memantapkan penggunaan teknologi sebagai wacana sedekah di era digital, beberapa perkara perlu diteliti oleh pelbagai pihak terumanya pihak Bank Negara Malaysia dan juga Kementerian Kewangan. Pertama ialah soal perlindungan data peribadi yang perlu dititikberatkan oleh pengendali platform, pihak berautoriti dan pengguna bagi mengelakkan risiko kebocoran maklumat dan penggodaman data. Kedua ialah kawalan industri pengendali platform pendanaan awam melalui pelesenan agar pengguna dimaklumi berhubung lawan sesawang yang sah bagi mengelakkan penipuan atas talian. Ketiga ialah tadbir urus organisasi atau syarikat pengendali platform digital yang lebih baik, telus dan berintegriti khususnya dalam ketelusan pendedahan maklumat yang bernilai dan berimpak tinggi di laman sesawang masing-masing. Pendedahan sebegini mampu menarik lebih ramai penyumbang atau pemilik modal. Akhirnya, keempat ialah galakan atau insentif yang lebih menarik dan meluas terhadap setiap amaun sumbangan sedekah seperti pengecualian cukai dan pengecualian caj bank. Justeru semua pihak perlu memainkan peranan dalam memastikan teknologi dapat dimanfaatkan dengan optimal demi masalah umat Islam dan rakyat seagat.

Platform sedekah digital dikhuatiri tidak berada di bawah pengawasan ketat pengawal selia yang sedia ada, menyebabkan risiko penyalahgunaan, tiada ketelusan, tiada amanah dan potensi penipuan. Walaupun sedekah digital berpotensi besar namun tanpa kerangka regulasi dan tadbir urus yang jelas, keberkesanan dan keselamatan sistem boleh terjejas. Oleh itu hasil kajian ini menyarankan sebuah kajian terhadap penilaian risiko termasuk kebocoran data, penipuan, *hacking*, manipulasi akaun, dan kemungkinan penyalahgunaan dana boleh dilakukan bagi memastikan sedekah secara digital dapat dioptimumkan di Malaysia. Selain itu kajian ini juga mencadangkan agar kajian mengenai penyediaan garis panduan dan standard nasional merangkumi pelesenan platform, audit, kewajipan pelaporan, pemisahan antara dana sumbangan dan operasi, serta mekanisma pengawasan berkala boleh dijalankan pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Chigbu, U.E., Atiku, S.O. & Plessis, C.C.D. (2023). The science of literature reviews: searching, identifying, selecting, and syntesising. *Publication*, 11(2), 1–16.
- Dompethdhuafa. (2025). Diakses daripada <https://dompethdhuafa.org.au/get-involved/make-donation/> (akses pada Oktober 11, 2025).
- Eni Devi Anjelina, Rania Salsabila, & Dwi Ayu Fitriyanti. (2020). The role of *zakat*, *infaq* and *sadaqah* in improving community economic welfare. *Jurnal Ekonomi, Keuangan dan Perbankan Syariah*, 4(2), 136–147.
- Globalsadaqah. (2025). Diakses daripada <https://www.globalsadaqah.com/> (akses pada Oktober 11, 2025).
- Hasan, S., & Sulaiman, (2016). Pelaburan secara pengumpulan dana masyarakat dan isu isu Syariah yang berkaitan. *Jurnal Muamalat*, 9, 23–36.
- Heimans, J., & Timms, H. (2019). *New Power: How Anyone Can Persuade, Mobilize, and Succeed in Our Chaotic, Connected Age*. New York: First Anchor Books Edition.
- Islamicaid. (2025). Diakses daripada <https://www.islamicaid.com/sadaqah/> (akses pada Oktober 11, 2025).
- IslamicRelief. (2025). Diakses daripada <https://islamic-relief.org.my/donateNow/donations/new> (akses pada Oktober 11, 2025).
- Jalil, A., & Muda, M. (2008). *Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistemik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta*. 1–14. Retrieved from [http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/2891/1/2008_Abdullaah_%26_Muhamad_Muda_-_Pengurusan_Dana_Sedekah_\(USIM\).pdf](http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/2891/1/2008_Abdullaah_%26_Muhamad_Muda_-_Pengurusan_Dana_Sedekah_(USIM).pdf) (accessed October, 2025).
- Lutfi, M. A., & Ismail, M. A. (2016). Sadaqah-based crowdfunding model for microfinancing and health care. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 13(2), 31–51.
- M. Quraish, S. (2002). *Tafsir al Mishbāh: Pesan, Kesan dan Keserasian al Qur'an*. Jakarta: Lentera Hati.
- Maliki, N.H.S., Nik Ab Malik, N.M.A., Shahimi, S., & Zahari, S.A. (2025). Inisiatif perbankan berasaskan nilai di BIMB: kajian kes Sadaqa House. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 19(1), 136-153.
- MAPIM. (2025). Diakses daripada <https://www.mapim.org> (akses pada Oktober 11, 2025).
- Markom, R., Zakaria, M. R., & Halim, A. H. A. (2015). Kerangka perundangan rumah sedekah sebagai institusi perbankan : satu tinjauan awal. *1st Seminar on Sadaqa House 2015*, 23–31.
- Media Prima. (2025). Diakses daripada <https://www.mediaprima.com.my/impact-overview.html> (akses pada Oktober 11, 2025).
- Mukhid, M. (2024). Islamic social finance: exploring *zakat*, *waqf*, and *sadaqah* in economic development. *Economics Studies and Banking Journal*, 1(2), 46–52.
- Musafar Hameed, L. B., Mohamad Suhaimi, A. F., & Jamaludin, N. I. (2018). Model SADAQA HOUSE : Menyantuni Kebajikan Ummah. *Proceedings of the 6th International Seminar on Entrepreneurship and Business (ISEB 2018)*, November 24th, 2018. Kota Bharu, Kelantan, 860–867.
- National Cancer Society Malaysia. (2025). Diakses daripada <https://cancer.org.my/donate/> (akses pada Oktober 11, 2025).
- Orphancare. (2025). Diakses daripada <http://orphancare.org.my/get-involved/donate/donate-to-a-good-cause/> (akses pada Oktober 11, 2025).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Konsep Sedekah Jariah. Bayan Linnas Siri Ke-194: Konsep Sedekah Jariah Menjana Kesatuan Ummah. Retrieved from <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3560-bayan-linnas-siri-ke-194-konsep-sedekah-jariah-menjana-kesatuan-ummah>
- SadaqaHouse. (2025). Diakses daripada <https://sadaqahouse.com/> (akses pada Oktober 11, 2025).
- Saiti, B., Musito, M. H., & Yucel, E. (2018). Islamic crowdfunding: fundamentals, developments and challenges. *Islamic Quarterly*, 62(3), 469–485.
- Sheikh ‘Abdullah Basmeih. (1985). *Panduan Rasulullah S.A.W Mengenai Zakat Sedekah dan Khairat*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

- Snyder, H. (2024). Designing the literature review for a strong contribution. *Journal of Decision Systems*, 33(4), 551-558.
- UiTMPay. (2025). Diakses daripada <https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products> (akses pada Oktober 11, 2025).
- Ummah Welfare Trust. (2025). Diakses daripada <https://donate.uwt.org/Account/Index.aspx> (akses pada Oktober 11, 2025).
- Wahjono, S. I., Marina, A., & Widayat. (2015). Islamic crowdfunding : alternative funding solution. 1st World Islamic Social Science Congress, (December), 0–12.
- Wearesosial. (2019). Digital in 2019. Retrieved from <https://wearesocial.com/global-digital-report-2019> (accessed on September 30, 2019,).
- YADIM. (2025). Diakses daripada <http://www.yadim.com.my/v2/pilihan-infaq/> (akses pada Oktober 11, 2025).
- YAPEIM. (2025). Dana Inspirasiku. Diakses daripada <https://www.yapeim.my/category/dana-inspirasiku/> (akses pada Oktober 11, 2025).
- Zaenal, M.H., Ismail, A.G., & Mohd. Shafiai, M.H. (2022). *Islamic Philanthropy*. London UK: Palgrave Macmillan.